

Swasta kurang guna bahasa Melayu - Ismail Sabri

KUALA LUMPUR: Pihak swasta diingatkan agar mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan korporat dan rasmi mereka.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penggunaan bahasa Melayu dilihat kurang diamalkan terutama dalam urusan korporat.

Katanya, sudah menjadi lumrah bahasa Melayu kini tidak digunakan sama ada dalam persidangan, mesyuarat, nama syarikat, nama projek mahupun jenama produk.

Menurut beliau, keadaan ini perlu diatasi, namun ia harus dimulakan daripada kerajaan sendiri.

"Sepatutnya syarikat swasta menggunakan bahasa Melayu dalam urusan mereka, tetapi kita perlu bermula dengan kerajaan dahulu, barulah kita minta swasta ikut," katanya semasa berucap merasmikan Simposium Antarabangsa Aspirasi Bahasa Melayu di sini, semalam.

Semasa menerajui pentadbiran kerajaan, Ismail Sabri pernah menegur agensi kerajaan, swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kerana dilihat kurang menggunakan bahasa



ISMAIL Sabri Yaakob berucap dalam majlis perasmian Simposium Antarabangsa Aspirasi Bahasa Melayu di Kuala Lumpur, semalam.

Melayu dalam urusan rasmi.

Dalam pada itu, beliau menggesa kerajaan memperkasakan bahasa Melayu melalui urusan rasmi terutama ketika mengadakan lawatan kerja ke luar negara.

"Hal ini sudah saya laksanakan dahulu dan saya tidak teragak-agak untuk bercakap dalam bahasa Melayu kerana ini adalah bahasa ibunda kita. Mengapa perlu wujud sikap malu dan

tidak yakin pada bahasa sendiri?

"Ingin saya tegaskan, bahasa Inggeris dan bahasa lain juga penting tetapi jangan sampai kita abaikan bahasa kebangsaan," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) perlu diberi kuasa dalam tindakan penguatkuasaan termasuk memperkasakan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa.